

Elakkan soal2 remeh

TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyeru umat Islam di negara ini supaya memberi perhatian kepada soal-soal pokok dalam agama dan mengelakkan daripada soal-soal remeh temah. Sebenarnya ini adalah lanjutan dari kesan penggunaan agama untuk kepentingan politik parti oleh setengah-setengah pihak dalam masa kempen pilihanraya yang lalu. Tetapi, seperti yang berlaku beberapa kali sebelum ini, kesan darinya akan terus berlaku lama selepas ini jika rakyat sendiri tidak menyedari dan menghindarinya dengan segera.

Beberapa kejadian yang tidak diingini telahpun berlaku. Khabarnya telah mula berlaku setengah-setengah pihak enggan menyembahyangkan mayat seorang Islam lain semata-mata kerana si mati berlainan parti politiknya semasa hidup. Perkataan 'kafir' telah digunakan dengan murahnya tetapi belum tentu kena pada tempatnya. Pulau memulau mungkin akan berterusan juga yang akhirnya boleh membawa kepada perpecahan yang lebih teruk.

Dr. Mahathir menganggap pihak-pihak yang terlibat dalam suasana ini sebagai 'penjenayah agama'. Tentulah tidak slapa yang boleh menghukum mereka selain Tuhan. Tetapi jika mereka ini benar-benar berpegang kuat dengan ajaran Islam, tentulah akibat dari tindakan-tindakan mereka itu sendiri boleh menjadi suatu hukuman yang berat dalam hati masing-masing. Cara membaikinya, kita rasa, ialah dengan mereka yang terlibat berusaha secepat mungkin membetulkan semula fikiran masyarakat yang tercemar oleh jenayah agamanya itu.

Dalam masa yang sama kita juga berharap supaya pihak yang satu lagi tidak pula menyimpan dendam dan cuba hendak membalas. Ini adalah perbuatan yang tidak dapat membetulkan perkara yang sudah salah. Jika perpecahan yang sudah berlaku akibat tindakan-tindakan yang salah itu hendak dikendurkan, salah satu pihak mestilah mengambil sikap waras. Mengambil tindakan membalas hanya akan memburukkan lagi suasana.